

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf semua menara komunikasi di kawasan Parlimen Hulu Rajang kepada 4G.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak dapat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

Melalui inisiatif pelan JENDELA, sebanyak 59 menara komunikasi baharu telah dirancang dan sebanyak 33 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan dinaik taraf dengan perkhidmatan 4G di kawasan Parlimen Hulu Rajang.

Selain itu, sebanyak 118 pelanggan bagi jalur lebar talian tetap akan dinaik taraf daripada perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik dan dijangka siap secara berperingkat menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.

Walau bagaimanapun, usaha bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bukan sahaja melibatkan kerajaan persekutuan malah memerlukan kerjasama pelbagai pihak, termasuk di peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk pemudahcaraan proses-proses perolehan dan kelulusan tapak yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, bagi menjayakan inisiatif-inisiatif menerusi pelan JENDELA ini, Kementerian berharap agar mendapat sokongan padu dan kerjasama Kerajaan Negeri, pihak Kementerian dan agensi yang berkaitan agar rakyat dapat menikmati manfaatnya.